


بروني مرديكا

BRUNEI MERDEKA:
SEJARAH DAN BUDAYA POLITIK



Dr. Haji Zaini Haji Ahmad



Buku *Brunei Merdeka: Sejarah dan Budaya Politik* ini disesuaikan daripada manuskrip asal tesis untuk program Ijazah Doktor Falsafah (Ph. D.) berjudul 'Gerakan Kebangsaan di Brunei 1939 - 1962' yang dihadapkan kepada Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. Justeru peristiwa yang dimuatkan dalam buku ini sangat menarik dan masih banyak menjadi tandatanya umum, maka ia diusahakan penerbitannya bagi memberikan sebanyak mungkin gambaran sejarah yang belum terhurai itu. Mudah-mudahan ada manfaatnya.

Buku ini terbahagi kepada sepuluh bab yang diolah dengan teliti menurut sebab dan akibatnya - didahului dengan sebuah pendahuluan yang menceritakan secara ringkas sejarah Brunei Tua, Hubungan China - Brunei, Kedatangan Islam dan Pengaruh Barat serta Cengkaman British ke atas Brunei.

Bab pertama buku ini menggambarkan tentang corak pengurusan pemerintahan zaman pre-residen dan kepintaran McArthur mengadun dua corak pengurusan pemerintahan yang berbeza dalam satu sistem pemerintahan moden yang berlandaskan undang-undang - menerusi Majlis Mesyuarat Negeri. Turut juga dimuatkan dalam bab ini kesan Sistem Pendidikan Moden, Dasar Sistem Residen dan pengaruh Kebangkitan Semangat Nasionalisme Negara-Negara Asia khususnya Asia Tenggara telah membuka minda penduduk tempatan untuk bersatu-berjuang menuntut kemerdekaan dan kebebasan bangsa dan negara : Brunei Darussalam.

Bab kedua membincangkan pengaruh kedatangan dan kesan dasar pembudayaan Jepun yang telah membentuk semangat radikalisma segolongan anak-anak tempatan membenci penjajah. Dibincangkan juga dalam bab ini kesan pemerintahan Tentera British (BMA) dan Dasar Penjajahan Liberal ke atas negeri-negeri Brunei, Sarawak dan Sabah.

Bab ketiga merakamkan perkembangan selepas Perang Pasifik dan kegelisahan generasi muda Brunei yang diapikan oleh A.M. Azahari dengan soal-soal kemiskinan ekonomi orang-orang Melayu. Inilah yang kemudiannya telah mencetuskan peristiwa Brufico - yang menjadi landasan kepada penubuhan Partai Rakyat Brunei (PRB). Hal-hwal kegiatan dan matalamat PRB untuk memperjuangkan kemerdekaan Brunei dibincangkan dalam bab keempat.

Bab kelima memperkatakan tentang cita-cita dan usaha mempersekutukan Brunei, Sarawak dan Sabah dalam Persekutuan Negeri-Negeri Kalimantan Utara dan masalah yang timbul daripada percaturan politik yang berbeza sasaran. Bab keenam membicarakan tentang penggubalan dan perundingan Perlembagaan Negeri Brunei. Turut dimuatkan dalam bab ini isu-isu Pilihan Raya, Undang-Undang Taraf Kebangsaan dan kerancangan politik massa yang dimainkan oleh PRB. Ketika Brunei cuba keluar daripada kemelut politik dalamannya, ia dikusutkan pula dengan syor pembentukan Malaysia. Soal-soal mengenai gagasan Malaysia dibincangkan dalam bab ketujuh.

Bab kelapan mencatatkan bantahan PRB terhadap penubuhan Malaysia dan usaha-usaha PRB mencari sokongan antarabangsa untuk melumpuhkan Malaysia. Dirakamkan juga dalam bab ini mengenai gerakan bawah tanah dan pembentukan TNKU sebagai persediaan untuk mendirikan Negara Kesatuan Kalimantan Utara (NKKU).

Bab kesembilan membicarakan tentang senario politik hangat Brunei yang berakhir dengan tercetus dan kegagalan pemberontakan 8 Disember. Manakala bab kesepuluh merupakan kesimpulan perbincangan yang membutuhkan sejarah dan budaya politik orang Brunei untuk mempertahankan hak asasi diri daripada didominasi oleh orang lain. Kerana ketidakmatangan dan kelemahan strategi PRB terperangkap dalam jaringnya sendiri. Dengan demikian hancurlah infrastuktur PRB yang dibangunnya sejak sekian lama. Dan dua dekad kemudian, Brunei pun menjadi negara berdaulat di luar Malaysia.

BRUNEI MERDEKA:

Sejarah dan Budaya Politik

DR. HAJI ZAINI BIN HAJI AHMAD



Cetakan Pertama 2003

Semua hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini, disimpan dalam sistem pengeluaran semua (retrieval system), ataupun dipindahkan dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penulis.

Hiasan Kulit dan Ilustrasi
Pengiran Zainin bin Pengiran Mansor

Dicetak oleh
De'Imas Printing & Trading Company
Negara Brunei Darussalam

ISBN 99917-34-01-9

KANDUNGAN

<i>Ilustrasi</i>	viii
<i>Kata Alu-Aluan</i>	ix
<i>Penghargaan</i>	xiii
<i>Kependekan Kata</i>	xv
<i>Pendahuluan</i>	xix
Pentadbiran Sistem Residen British di Brunei	1
Perang Dunia Kedua	35
Peristiwa BRUFICO	63
Penubuhan Partai Rakyat Brunei	81
Cita-Cita Persekutuan Kalimantan Utara	121
Era Perlembagaan Brunei 1959	149
Cadangan Malaysia	187
PRB Dengan Penubuhan Malaysia	227
Peristiwa 8 Disember 1962	277
Penutup	315
Gambar-gambar	331
<i>Lampiran</i>	353
<i>Bibliografi</i>	387

ILUSTRASI

Peta Lakar Negara Brunei Darussalam	xviii
Carta Hierarki Orang-Orang Bergelar di Brunei	5
Struktur Kerajaan Brunei, TM 1906 – 1949	9
Daftar Murid Sekolah Melayu, TM 1929 -1933	10
Struktur Persekolahan Inggeris	14
Daftar Murid Sekolah Inggeris, TM 1951 - 1953	15
Perubahan Bilangan Penduduk Negeri Brunei, TM 1921 – 1960	29
Peta Lakar Penempatan Rumah Sheikh Mahmud bin Sheikh Abdul Hamid di Pekan Brunei Awal Tahun 1950-an	62
Peta Lakar Kalimantan Utara	120
Bilangan Penduduk di Kalimantan Utara, TM 1958	128
Majlis Penasihat Daerah	155
Keratan Akhbar Suara Bakti	186